

B B147 AAB

MAHATHIR - PELANCONG

(I)

PULAU PINANG, 24 NOV (BERNAMA) - PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MAHU RAKYAT MALAYSIA MENGGUNAKAN MASA PERCUTIAN MEREKA DI NEGARA INI BAGI MENYELAMATKAN PERTUKARAN WANG ASING KERANA MEMANDANGKAN KELEMBAPAN EKONOMI SEKARANG.

KATANYA MEREKA HENDAKLAH BERMOTIVASI UNTUK MELAWAT DAN MELANCONG KE SELURUH NEGARA BAGI MENGGALAKKAN INDUSTRI PELANCONGAN DAN PERKHIDMATAN TEMPATAN DAN JUGA BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MEMBANTU MEMPERKENALKAN MALAYSIA SEMASA MEREKA BERADA DI LUAR NEGERI.

DALAM PERUTUSANNYA KEPADA EXPO PELANCONGAN +PERCUTIAN MALAYSIA+ 1986 YANG AKAN DIADAKAN DI SINI SELAMA LIMA HARI MULAI RABU INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MINAT UNTUK MELAWAT PUSAT-PUSAT PELANCONGAN DI DALAM NEGERI BOLEH DIWUJUDKAN DAN DIGALAKKAN APABILA ADA PENDEDAHAN DAN KESEDARAN MENGENAI APA YANG BOLEH DINIKMATI OLEH PELANCONG-PELANCONG TEMPATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELANCONGAN BERHARAP RAKYAT DAPAT MENEMUI DAN MENGETAHUI LEBIH BANYAK MENGENAI NEGARA MEREKA MELALUI PENGALAMAN MEREKA SENDIRI KERANA TERDAPAT BANYAK TARIKAN SEMULAJADI DAN KEMUDAHAN YANG DIPERBAIKI UNTUK PELANCONGAN.

SEMENTARA ITU, KETUA PENGARAH PERBADANAN KEMAJUAN PELANCONGAN (TDC) ENCIK HAMZAH MAJID BERKATA USAHA UNTUK MENGGALAKKAN PELANCONGAN TEMPATAN TIDAK AKAN DIKETEPIKAN SEMASA MEMPERLUAS PASARAN ASING BAGI MENARIK PELANCONG-PELANCONG LUAR NEGERI. -- LAGI
1702MST 24 11 86

B B148 AAB

MAHATHIR - PELANCONG 2 PULAU PINANG

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA PELANCONGAN TELAH MENJADI INDUSTRI YANG SEMAKIN PENTING DAN IA MERUPAKAN SUMBER PENDAPATAN PERTUKARAN ASING YANG KELIMA BAGI NEGARA DENGAN MENYUMBANGKAN \$1,600 JUTA TAHUN LEPAS.

KATANYA EKSPLO ITU DIADAKAN PADA MASA YANG TEPAT DAN SELARAS DENGAN PENEKANAN YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN BAGI MEMAJUKAN INDUSTRI PELANCONGAN.

EKSPLO ITU YANG DIANJURKAN OLEH KERAJAAN NEGERI, PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PULAU PINANG DAN TDC AKAN DIADAKAN DI DEWAN SRI PINANG SEMPENA PERAYAAN PESTA PULAU PINANG SEPANJANG TAHUN. --
BERNAMA

1705MST 24 11 86